

SEMANGAT WAJA

Edisi 2/2022



TENTERA DARAT
DIRAJA BRUNEI

BERDISIPLIN DAN
MEMPUNYAI DAYA
KETAHANAN YANG
KENTAL SERTA
BERSEMANGAT WAJA
DALAM MELAKSANAKAN
TUGAS DEMI NEGARA

- Kepimpinan • Lawatan • Kerjaya • Ristaan
- Jubli Intan TDDB • Diplomasi Pertahanan
- Kemasyarakatan • Keagamaan • Kata Hikmah



ISI

KANDUNGAN



SEGMENT

- 2 SEKAPUR SIRIH PEMERINTAH TDDB
- 3 KEPIMPINAN
- 7 LAWATAN
- 10 KERJAYA
- 13 RISTAAN
- 15 JUBLI INTAN TDDB
- 21 DIPLOMASI PERTAHANAN
- 23 KEMASYARAKATAN
- 25 KEAGAMAAN
- 26 KATA HIKMAH

EDITORIAL

- 6 MENCONTOHI KEPIMPINAN
RASULULLAH SALLALLAHU ALAIHI
WASALLAM SEBAGAI SEORANG
PEMIMPIN TENTERA
- 13 PANJI-PANJI: LAMBANG
KEMEGAHAN KETENTERAAN
- 20 CORETAN RINGKAS: PADA TARikh INI
- 24 HUBUNGAN TENTERA DAN
MASYARAKAT DALAM MENYAHUT
PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB
TDDB

AHLI JAWATANKUASA

KETUA PENYUNTING

*Mejar Mohamad Khairul Hadizam
bin Haji Osman*

PENOLONG KETUA PENYUNTING I

Mejar Wafa Nabilah binti Abdullah

PENOLONG KETUA PENYUNTING II

Kapten Maymunah binti Zakaria

PENULIS UNDANGAN

Hajah Norlita binti Haji Ahmad

PENULIS

*Leftenan Mohammad Khairulanwar
bin Awang Haji Kismis*

*Leftenan Awangku Muhammad
Qamarussalihin bin Pengiran
Muhammad Saifuddin*

TIM REKABENTUK

*Mejar Wafa Nabilah binti Abdullah
Las Kopral Mohd Isa bin Kamaludin*



SCAN ME

SEMANGAT WAJA

Hakcipta Tentera Darat Diraja Brunei



*Brigadier General
Dato Seri Pahlawan
Haji Abdul Razak bin Haji Abd. Kadir*
PEMERINTAH TENTERA DARAT DIRAJA BRUNEI

SEKAPUR SIRIH

*Bismillahirahmanirrahim.
Assalamualaikum Waramatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.*

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas segala limpahan nikmat yang telah dikurniakan dan kita kecapi dalam meniti arus kehidupan yang semakin mencabar kini. Pencapaian demi pencapaian khususnya dalam bidang ketenteraan terus dilestarikan agar hala tuju yang dihasratkan mampu direalisasikan dengan cemerlang mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

Sememangnya kerjaya selaku tentera memerlukan pengorbanan telus, kecekalan hati dan semangat juang yang tinggi demi menggalas setiap amanah yang dipertanggungjawabkan. Di samping itu, perlunya nilai kepimpinan yang baik, disiplin, integriti, kebajikan dan nilai-nilai teras tentera perlu diterapkan dalam semua diri anggota sebagai pendinding diri dari sebarang tindakan salah sekaligus menjaga imej terbaik tentera sebagai institusi pertahanan yang berwibawa dan digalati.

Majalah Semangat Waja Edisi Kedua mencerminkan usaha berterusan Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) dalam memantapkan lagi pengukuhan organisasinya termasuk mempertingkatkan keupayaan para pemimpin melalui kursus, pertukaran maklumat dan latihan bersama angkatan sahabat, penjagaan kebajikan dan kerohanian menerusi majlis-majlis keagamaan serta mengeratkan jalinan ukhuwah bersama masyarakat dalam sama-sama menyumbang terhadap keamanan, kesejahteraan dan kedaulatan negara. Selain itu, segmen Jubli Intan TDDB turut dimuatkan dalam edisi ini bagi mengenang sejarah gemilang yang diraikan pada tahun 2021 yang lalu.

Akhir kata, peramba/kaola/saya menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan rasa sukacita kepada Pengurus dan Jawatankuasa Penerbitan Semangat Waja yang bertungkus-lumus bagi menjayakan edisi kedua majalah ini dapat diterbitkan. Semoga ia akan terus bermanfaat kepada seluruh pembacanya dan di kesempatan ini marilah kita sama-sama berdoa agar penerusan Majalah Semangat Waja akan berjalan dengan lancar di masa akan datang. Insya-Allah.

SEPATAH KATA

*Mejar Mohamad Khairol Hadizam
bin Haji Osman
Ketua Penyunting*



*Bismillahirahmanirrahim.
Assalamualaikum Waramatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.*

Dengan penerbitan Majalah Semangat Waja Edisi Kedua ini, saya selaku Ketua Penyunting amat berbesar hati dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua ahli komiti yang terlibat mahu pun penulis undangan dari agensi kerajaan luar yang mana pelestarian majalah ini bukti semangat perpaduan yang waja dalam sama-sama meraikan detik-detik signifikan dan menjulang sejarah agar terus diingati oleh generasi masa kini dan akan datang.

Majalah ini akan terus memaparkan peristiwa-peristiwa penting yang menjadi ristaan dan satu segmen khas yang dimuatkan pada edisi kali ini ialah sambutan Jubli Intan Tentera Darat Diraja Brunei dengan mengongsikan aktiviti-aktiviti yang berjaya diungkayahkan dalam memeriahkan lagi sambutan unggul penubuhannya pada tahun 2021.

Pada mengakhiri, sekali lagi syabas kepada semua yang terlibat dan saya mendoakan semoga usaha gigih ini akan berterusan dan dipertingkatkan lagi di masa akan datang agar hasrat murni penerbitan Majalah Semangat Waja ini akan berkekalan untuk manfaat dan rujukan bersama, Insya-Allah. SEMANGAT WAJA!

Sekian, Wassalam.

KEPIMPINAN BARU TDDB

MAJLIS SERAH TERIMA TUGAS PEMERINTAH TENTERA DARAT DIRAJA BRUNEI



Pada 01 Mac 2022, Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) melakar sejarah dengan Majlis Serah Terima Tugas Pemerintah TDDB di antara Mantan Pemerintah TDDB, Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dengan Pemerintah TDDB yang baru, Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Abdul Razak bin Haji Abd. Kadir yang telah dilaksanakan di Dewan Pahlawan, Berakas Garison.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Timbalan Pemerintah TDDB, Pegawai-pegawai Kanan, Pegawai-pegawai, Sarjan Mejari Tentera Darat dan anggota-anggota TDDB. Acara tersebut juga telah dihadiri oleh Pegawai-pegawai dan anggota-anggota dari semua unit-unit TDDB secara maya termasuk Pegawai-pegawai dan anggota-anggota yang bertugas di luar negara dan yang terlibat dalam misi pengamanan.

Semasa majlis berkenaan, penandatanganan Sijil Serah Terima Tugas Pemerintah TDDB serta penyerahan Tongkat Kepimpinan Pemerintah TDDB juga dilaksanakan sebagai lambang penyerahan tugas selaku Pemerintah TDDB secara rasminya.



INTIPATI UCAPAN YANG MULIA BRIGEDIER JENERAL DATO SERI PAHLAWAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABD. KADIR SEMASA MAJLIS SERAH TERIMA TUGAS PEMERINTAH TDDB

*Misi dan visi Pemerintah TDDB:
Memimpin dan membawa TDDB untuk
terus maju selaku sebuah ketumbukan
tentera yang terbesar di dalam Angkatan
Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).*

INTIPATI UCAPAN PEMERINTAH TDDB BAGI SELURUH LAPISAN KEPIMPINAN DAN PERINGKAT YANG DIPIMPIN DI TDDB:

1. **KETAATSETIAAN** - Mempertahankan dan mengekalkan ketaatsetiaan kepada Raja, pucuk kepimpinan di ABDB dan TDDB serta tidak akan sekali-kali berlaku khianat dan terlibat dalam apa jua kegiatan subversif yang boleh menjelaskan keamanan, kedaulatan dan keselamatan Negara Brunei Darussalam.
2. **KEPIMPINAN** - Sentiasa menjaga mutu dan daya kepimpinan agar sentiasa di tahap yang tinggi. Jadilah pemimpin yang baik sebagai *role model* kepada peringkat yang dipimpin dengan menjaga batas pergaulan pada setiap masa.
3. **DISIPLIN** - Sentiasa menjaga dan menentukan tahap disiplin sentiasa ditahap yang tinggi dengan tidak akan terlibat dalam apa jua kegiatan negatif dan aktiviti yang melanggar peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan. Saya tidak akan sekali-kali berganjak dan bertolak ansur kepada mana-mana pesalah yang melanggar disiplin tentera dan hukuman setimpal akan diambil sesuai dengan hukuman yang terkandung di dalam Akta dan Undang-undang yang ditetapkan.
4. **KESIAPSIAGAAN** – Semua pegawai dan warga TDDB untuk sentiasa menentukan ketahap kesiapsiagaan anggota dan aset di tahap yang tinggi serta siap sedia untuk diaturgerakkan bagi melaksanakan apa juga tugas operasi mahu pun tugas kenegaraan.
5. **KEUPAYAAN** - Sentiasa memantau dan menentukan tahap keupayaan aset-aset TDDB agar sentiasa di tahap yang optimum iaitu 75 peratus dan bersedia untuk diaturgerakkan pada bila-bila masa bagi apa jua misi atau gerakan.
6. **KEHARMONIAN** - Semua unit di TDDB untuk memupuk dan menjaga keharmonian serta semangat kesatuan sebagai satu pasukan dengan memupuk budaya berkerjasama dalam apa jua aktiviti yang dilaksanakan.
7. **SEKURITI** - Tanggungjawab menjaga sekuriti dan keselamatan di semua tempat bertugas baik di dalam perkhemahan dan di pejabat adalah tanggungjawab bersama secara kolektif. Semua peringkat warga TDDB diingatkan agar tidak akan bertolak ansur dengan aktiviti-aktiviti dan kegiatan yang melanggar sekuriti terutama dalam aspek keselamatan maklumat, sekuriti fizikal, senjata dan peluru dan banyak lagi.

MAJLIS SERAH TERIMA TUGAS KETUA STAF TENTERA DARAT DIRAJA BRUNEI



Pada 31 Januari 2022, Majlis Serah Terima Tugas Ketua Staf TDDB (KS TDDB) telah dilaksanakan di Markas TDDB.

Acara dimulakan dengan penandatanganan Sijil Serah Terima Tugas di antara Leftenan Kolonel Aldi bin Haji Hassan, Mantan KS TDDB dan Leftenan Kolonel Haji Mohammad Shanonnizam bin Sulaiman, KS TDDB yang baru.

Turut hadir semasa acara tersebut adalah Penolong-penolong KS TDDB, Pegawai-pegawai, Sarjan Mejor Tentera Darat dan anggota-anggota Markas TDDB. Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada Mantan KS TDDB, bacaan Doa Selamat dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.



PEGAWAI PEMERINTAH DEPOH LOGistik KHIDMAT BANTUAN KOMBAT TDDB

Pada 01 November 2021, Depoh Logistik Khidmat Bantuan Kombat TDDB (Dep Log KBK TDDB) telah mengadakan Upacara Serah Terima Tugas di antara Pegawai Pemerintah Dep Log KBK TDDB yang baru iaitu Leftenan Kolonel Pengiran Nazri Amir bin Pengiran Dato Paduka Haji Md Zain dan Pegawai Pemerintah Dep Log KBK TDDB yang lama, Leftenan Kolonel Azhar bin Haji Matzan. Upacara tersebut telah diadakan di Bilik Mesyuarat, Markas Depoh Logistik KBK TDDB.

PEGAWAI PEMERINTAH BATALION KEDUA TDDB

Pada masa yang sama, Batalion Kedua TDDB (2Bn TDDB) telah melaksanakan Majlis Serah Terima Tugas di antara Pegawai Pemerintah 2Bn TDDB yang baru iaitu Leftenan Kolonel Haji Mohammad Ezan Sazali bin Haji Osman dan Pegawai Pemerintah 2Bn TDDB yang lama, Leftenan Kolonel Pengiran Haji Saiful Amirul Bakri bin Pengiran Haji Ramlee. Upacara tersebut telah diadakan di Mes Pegawai 2Bn TDDB, Perkhemahan Tutong.



FALSAFAH KEPIMPINAN PEGAWAI PEMERINTAH BATALION KEDUA TDDB

Setiap lapisan pemimpin di peringkat batalion hendaklah berpegang kepada prinsip F.I.T:

F iaitu **FITNESS** - Setiap pemimpin hendaklah mempunyai tahap *fitness* atau kecergasan yang cemerlang supaya akan memperlihatkan penampilan yang baik, mempraktikkan budaya hidup yang sihat dan imej yang profesional.

I iaitu **INITIATIVE** - Setiap pemimpin hendaklah mempunyai inisiatif yang tinggi dan harus menghasilkan kerja yang bermutu tinggi.

T iaitu **TRAINING** - Setiap pemimpin hendaklah mempunyai pemikiran "berlatih untuk menjadi terlatih" supaya bukan sahaja dapat memimpin akan tetapi dapat menghasilkan anggota yang mahir, cekap dan profesional.

MENCONTOHI KEPIMPINAN

EDITORIAL RASULULLAH SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM

SEBAGAI SEORANG PEMIMPIN TENTERA

Leftenan Awangku Md Qamarussalihin bin Pengiran Md Saifuddin

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

“Sungguh, telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari Kiamat dan yang banyak mengingat Allah.”

(Surah Al-Ahzab: 21)

ABDB adalah sebuah organisasi yang mempraktikkan kepimpinan dalam pentadbiran dan juga operasi. Kepimpinan di dalam tentera memainkan peranan yang sangat penting, kerana dengan kepimpinan yang cemerlang sesebuah organisasi akan mampu menjalankan tugas dengan teratur dan mencapai matlamat tugas tanpa gagal. Peranan seorang pemimpin itu menjadi keutamaan yang mana selaku pemimpin haruslah menerapkan nilai-nilai teras ABDB ke dalam dirinya, iaitu Setia, Taqwa, Berani dan Profesional. Seorang pemimpin yang baik itu adalah seorang yang bertanggungjawab ke atas pengikut-pengikutnya dan menjadikan pemimpin-pemimpin sebelumnya sebagai contoh, lebih-lebih lagi Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah seorang pemimpin, guru dan juga hamba Allah yang mesti dijadikan sebagai contoh. Dalam Al-Quran Surah Al-Ahzab Ayat 21, ada disebutkan bahawa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diciptakan di dalam dirinya satu contoh ikutan demi mencapai redha Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan akhirat.



Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam mempunyai sifat Amanah, Siddiq, Tabligh dan Fatonah. Pentingnya sifat Amanah adalah agar tugas yang diberikan, dilaksanakan sesuai menurut perintah. Sifat Siddiq pula bererti jujur, dan secara logiknya kejujuran adalah sifat yang diperlukan dalam apa jua tugas dan urusan. Manakala Tabligh pula bermaksud menyampaikan, dan secara lazimnya seorang pemimpin itu harus bersifat terbuka untuk menyampaikan segala maklumat kepada anggota-anggotanya. Kemudian sifat Fatonah iaitu cerdas atau pun mampu berfikir walau pun dalam keadaan kritikal. Sebagai seorang pemimpin haruslah mempunyai sifat-sifat ini agar mampu membuat keputusan dengan baik walau dalam situasi yang sukar.



Sifat-sifat ini sangatlah penting untuk diterapkan dalam ketenteraan kerana dengan mengamalkannya maka segala urusan dan juga pekerjaan akan dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna. Atas dasar itu, kepimpinan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah salah satu dasar kepimpinan yang harus dicontohi dan diikuti dalam mendapatkan keberkatan hidup di dunia dan akhirat nanti.

LAWATAN

KUNJUNGAN PERPISAHAN PEMERINTAH ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

"Kita haruslah menjaga iman dan taqwa untuk menghadirkan anggota yang sentiasa berdisiplin, bertanggungjawab dan berakh�ak"

**MEJAR JENERAL (U)
DATO SERI PAHLAWAN
HAJI HAMZAH
BIN HAJI SAHAT**



Pada 04 Februari 2022, Pemerintah ABDB, Mejari Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat telah membuat kunjungan perpisahan ke TDDB di Perkhemahan Lumut.

Sejurus tiba di Markas 3Bn TDDB, Pemerintah ABDB disambut oleh Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan, Pemerintah TDDB. Pemerintah ABDB menerima tabik hormat dan seterusnya memeriksa perbarisan kawalan kehormatan yang terdiri daripada anggota TDDB. Majlis diteruskan dengan ucapan daripada Pemerintah TDDB yang mana beliau menzhirkan rasa penghargaan dan terima kasih kepada Pemerintah ABDB atas segala nasihat dan usaha-usaha padu yang telah dilaksanakan Pemerintah ABDB bagi mengembangluaskan pelbagai aspek yang merangkumi sudut operasi, latihan dan kebajikan anggota demi kesejahteraan dan perkembangan berterusan ABDB ke mercu kecemerlangan.

Dalam ucapan perpisahan beliau, Pemerintah ABDB menekankan akan kepentingan untuk sentiasa menjaga kebajikan anggota di semua peringkat, mengamalkan muhasabah diri serta menjaga iman dan takwa dalam menjadikan anggota TDDB yang berdisiplin. Beliau juga mengingatkan semua anggota TDDB agar sentiasa tabah menghadapi cubaan dan dugaan terutamanya ketika menjalankan tugas masing-masing.



"Begitu banyak pencapaian cemerlang telah berjaya dicapai hasil usaha padu dan semangat keperwiraan yang dipamerkan oleh segenap lapisan kepimpinan selaras dengan 12 Falsasah Pemerintahan sebagai rujukan utama perkembangan kita"

**BRIGEDIER JENERAL DATO SERI PAHLAWAN
HAJI MUHAMMAD HASZAIMI BIN BOL HASSAN**

**PEMERINTAHAN DAN PENGURUSAN
ANGGOTA TENTERA YANG BERKESAN
DAN EFISIEN BERTERASKAN
NILAI - NILAI J.A.T.I.**

**J - JUJUR.
A - AMANAH.
T - TAWAKAL.
I - IKHLAS.**

KUNJUNGAN PERPISAHAN PEMERINTAH TDDB

Pada 10 Februari 2022, Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan, Pemerintah TDDB telah membuat kunjungan perpisahan ke TDDB di Perkhemahan Tutong.

Sejurus ketibaan, Pemerintah TDDB disambut oleh Kolonel Azman bin Haji Bangkol, Timbalan Pemerintah TDDB. Turut hadir di majlis tersebut ialah Ketua Staf TDDB, Pegawai-pegawai Kanan, Pegawai-pegawai, Sarjan Mejar Tentera Darat serta anggota-anggota TDDB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan tayangan video pendek yang mengenang kembali detik bersejarah kerjaya Pemerintah TDDB. Majlis diteruskan dengan ucapan daripada Timbalan Pemerintah TDDB yang mengimbas kembali sejarah kerjaya Pemerintah TDDB yang telah banyak menabur jasa dan bakti sepanjang perkhidmatan beliau.

Majlis tersebut disusuli dengan penyampaian cenderahati kenangan daripada Pegawai-pegawai dan anggota-anggota TDDB sebagai tanda ingatan dan penghargaan atas sumbangan dan kepimpinan beliau sebagai Pemerintah TDDB.

Dalam ucapan perpisahan beliau, Pemerintah TDDB menzhirkan perasaan bangga terhadap pencapaian dan komitmen yang tinggi daripada unit-unit TDDB. Beliau juga mengingatkan akan kepentingan mempertahankan keamanan negara di samping menekankan kepentingan disiplin dan pengertian 'JATI' sebagai asas dan panduan bagi semua anggota.

LAWATAN KE UNIT-UNIT TDDB

UNIT TUGAS PENGAWAL DIRAJA

Pemerintah TDDB telah membuat lawatan kerja ke Unit Tugas Pengawal Diraja, TDDB (UTPD TDDB) pada 05 November 2021.

Di dalam sesi perkongsian motivasi kepada semua pegawai dan anggota UTPD, Pemerintah TDDB menerangkan mengenai kepentingan UTPD dalam penugasan di Istana Nurul Iman dan Qashr Al-Meezan. Beliau juga menekankan untuk mengekalkan disiplin dan semangat bagi menjalankan tugas dengan jujur, integriti dan profesionalisme.



SEKOLAH INFANTRI TDDB

Pemerintah TDDB telah membuat lawatan kerja buat kali pertama ke Sekolah Infantri TDDB (SI TDDB) pada 11 November 2021 semenjak penyerapan unit tersebut pada Sambutan Jubli Intan TDDB. Di antara tempat yang dilawat adalah tempat cadangan bagi Stor Senjata SI TDDB dan Cawangan Latihan Semboyan, SI TDDB.

Pemerintah TDDB juga menerangkan hasrat dan kepentingan SI TDDB dalam mendokong dan membentuk generasi baru dan pelapis bagi anggota TDDB khasnya.

INCIDENT COMMAND POST (ICP) DAERAH BELAIT

Pada 18 November 2021, rombongan yang terdiri daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS) yang diketuai oleh Yang Berhormat Awang Hanapi bin Haji Siput, Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Pemangku Penghulu Mukim Labi telah membuat lawatan ke beberapa kawasan yang terjejas oleh banjir di Mukim Labi dan Mukim Bukit Sawat.

Lawatan tersebut dimulakan dengan taklimat mengenai situasi terkini kawasan-kawasan yang terjejas oleh banjir. Rombongan juga melihat kawasan-kawasan banjir bermula dari Dewan Sungai Mau ke Sungai Petai dan Jalan Merangking. Rombongan juga membuat lawatan ke rumah Awang Omar bin Ahmad di Kampong Bukit Puan dan berpeluang berinteraksi bersama masyarakat setempat yang terjejas akibat bencana tersebut.



KERJAYA



Seramai empat Pegawai TDDB telah menerima anugerah *OBOE Endeavour Academic Excellence* pada majlis yang diadakan secara maya pada 30 November 2021.

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada penerima-penerima anugerah TDDB:

Mejar Pg Baharuddin bin Pg Haji Ali, Mejar Haji Mohammad bin Haji Ahmad, Mejar Ahmad Bohare bin Mansor dan Mejar Khairul Faizin bin Haji Abdul Gapar.

Pegawai-pegawai tersebut adalah di antara enam pegawai TDDB yang akan dijemput ke Australia untuk berjumpa dengan Ketua-ketua Pertahanan Australia, melawat pangkalan tentera Australia, mengikuti aktiviti-aktiviti pendidikan dan kebudayaan, serta melibatkan diri di dalam sesi dialog dan perbincangan yang bertujuan untuk memberikan kefahaman mengenai Australia dan Angkatan Tentera Australia.

Ia juga memberi peluang untuk berkongsi mengenai persamaan di dalam kepentingan keselamatan serantau dan meningkatkan lagi hubungan pertahanan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Australia.

MAJLIS PENUTUP KURSUS ALL ARM STAFF AND TACTIC COURSE (AASTC) SIRI 2021



Majlis Penutup bagi All Arm Staff and Tactic Course (AASTC) Siri 2021 telah diadakan pada 20 Disember 2021 di Mes Pegawai, Penanjong Garison. Seramai 16 anggota telah lulus di dalam kursus tersebut yang telah dijalankan bermula 25 Oktober 2021 hingga 17 Disember 2021.

Anugerah Pelajar Terbaik disandang oleh Mejar Mahmud Afifi bin Mohd Kifli dari UTPD atas pencapaian cemerlang beliau sepanjang kursus.

MAJLIS PENUTUP KURSUS MEMANDU QUAD BIKE



Platun Motor Transport daripada Batalion Kedua Royal Gurkha Rifles (2RGR) telah mengadakan kursus memandu quad bike selama lima hari bermula 08 November 2021 hingga 12 November 2021 dan melibatkan lapan anggota daripada 3Bn TDDB. Majlis penutup bagi kursus tersebut telah diadakan pada 12 November 2021.

Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk melatih anggota TDDB untuk menggunakan quad bike dan memajukan lagi kesiapsiagaan dan kesediaan Batalion Infantri khususnya kebolehan dalam melaksanakan operasi dengan menggunakan quad bike.



NILAI-NILAI ASAS TDDB

D - Disiplin.
I - Iman.
S - Setia.
I - Integriti.
P - Pemimpin.
L - Latihan.
I - Inisiatif
N - Nilai Jati Diri

CERAMAH KEPIMPINAN BERSAMA SARJAN MEJAR TENTERA DARAT

Anggota TDDB berpeluang untuk menghadiri beberapa sesi ceramah kepimpinan yang telah disampaikan oleh Pegawai Waran Kelas 1 Rosleen bin Haji Tuoh, Sarjan Mejar Tentera Darat (SMTD) pada bulan November dan Disember 2021.

Melalui ceramah yang disampaikan, beliau mengingatkan kepada semua anggota agar sentiasa melestarikan tentang Misi dan Visi TDDB serta mengingati dan memahami setiap maksud pengertian 'D.I.S.I.P.L.I.N' dan 'JATI'.

Beliau turut menekankan kepada semua anggota untuk memahami peranan masing-masing mengikut jawatan yang diberikan, menggariskan tentang kepentingan dalam menggunakan pengalaman bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

PEGAWAI TDDB MENAMATKAN PENGAJIAN DI MAJLIS KONVOKESYEN KE 33 UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Pada 29 Januari 2022, seramai 18 Pegawai TDDB dengan pengurniaan *Master's Degree in Defence and Security Studies* kepada empat Pegawai-pegawai Kanan TDDB, manakala 14 Pegawai-pegawai TDDB yang menamatkan Kursus Maktab Turus siri ke 11/2011 telah dikurniakan *Diploma in Defence and Security Studies* di Majlis Konvokesyen ke-33 Universiti Brunei Darussalam (UBD) bertempat di Dewan Canselor, UBD.

Pengajian ini bertujuan untuk memperluaskan pengetahuan profesional dan akademik, mempertingkatkan kemahiran arahan, analisis dan komunikasi. Pegawai-pegawai peringkat pertengahan bagi mempersiapkan mereka untuk menjawat jawatan-jawatan perintah dan staf yang lebih tinggi.



HARI PENGAJIAN KHIDMAT BANTUAN KOMBAT TDDB



KBK TDDB telah mengadakan Hari Pengajian pada 17 Mac 2022 di Dewan Pahlawan, Berakas Garison. Tajuk-tajuk yang dibentangkan semasa hari pengajian tersebut telah disampaikan oleh Pegawai-pegawai Memerintah setiap sub-unit di bawah KBK TDDB yang terdiri daripada Unit Depoh Logistik, Kejuruteraan Darat, Skuadron Sembilan, Perkhidmatan Bomba & Keselamatan dan Pengangkutan Tentera. Tujuan hari pengajian ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan sekaligus memberikan pengajaran kepada pelbagai peringkat mengenai isu-isu berkepentingan yang berkaitan dengan apa juar kerahan KBK TDDB.

MAJLIS PEMASANGAN LENCANA DAN PERASMIAN BENDERA SEKOLAH INFANTRI TDDB



Sempena penyerapan SI ke TDDB pada 04 November 2021, Majlis Pemasangan Lencana dan Perasmian Bendera SI TDDB telah pun dilaksanakan di SI, TDDB, Penanjong Garison pada 20 Disember 2021.

Di dalam ucapan beliau, Pemerintah TDDB menyampaikan hasrat yang tinggi terhadap penyerapan SI TDDB yang merupakan nukleus pertama dalam penubuhan '*Combined Arms Training Centre*' (CATC) dalam jangka masa panjang. Ia adalah sejajar dengan perancangan penyusunan semula struktur Batalion Infantri yang akan dilaksanakan pada masa akan datang iaitu berkonsepkan '*Combined Arms Battalion*'.

Di samping itu, beliau juga memperingatkan, selaku institusi latihan, SI TDDB juga bertanggungjawab menghasilkan silibus dan struktur latihan yang mantap dan membuat '*Scenario Based Learning*' agar dapat membantu menghasilkan anggota yang mempunyai keupayaan dalam berfikir untuk menghasilkan keputusan yang betul.

BATALION BANTU TDDB MENYAMBUT HARI ULANG TAHUN KE 32

Batalion Bantu TDDB (Bn Bntu TDDB) telah menyambut Hari Ulang Tahun yang ke-32 dengan mengadakan perbarisan di Padang Kawad Bn Bntu TDDB, Penanjong Garison pada 04 Januari 2022. Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Lettenan Kolonel Rudie Asmawi bin Haji Abidin, Pegawai Pemerintah Bn Bntu TDDB.

Dalam ucapannya, beliau menekankan kepada semua lapisan pemimpin mengenai kepentingan mengekalkan disiplin yang tinggi, menjauhkan diri dari terlibat dengan kes-kes jenayah dan syariah, serta menjaga kebajikan dan moral seluruh anggota. Beliau turut mengingatkan untuk sentiasa mematuhi garispanduan dan langkah-langkah pengawalan wabak COVID-19 yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan sebagai norma baru di sepanjang melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan sama ada ia merupakan kerja harian, latihan dan kursus. Tahap ketahanan jasmani anggota juga perlu di tahap yang tinggi.



EDITORIAL**PANJI-PANJI: LAMBANG KEMEGAHAN KETENTERAAN**

*Penulis Undangan: Hajah Norlita binti Haji Ahmad
Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

Secara dasarnya, panji-panji yang mempunyai reka bentuk tertentu pada bendera digunakan sebagai lambang identiti sesebuah negara atau sesuatu bangsa, perkumpulan, badan, isyarat dan sebagainya. Dalam organisasi ketenteraan, penggunaan panji-panji, alat bendera atau guidon (sejenis gegantung/sepaduk) yang berwarna-warni adalah sebagai tempat berkumpul bagi pasukan tentera dan menandakan lokasi komander.




Dengan perubahan-perubahan yang berlaku dalam peperangan, panji-panji telah dianggap sebagai satu simbol semangat dan tradisi pasukan yang membawanya. Bagi sesebuah pasukan tentera, panji-panji merupakan simbol yang menjadi kemuliaan kepada setiap warga pasukan dan mesti dipertahankan daripada jatuh ke tangan musuh. Panji-panji amat disanjung tinggi dan diberi penghormatan yang mulia oleh setiap anggota tentera dan sebab itulah apabila dalam barisan, ia akan dibawa oleh Pegawai Muda diiringi pula oleh dua orang Sarjan Pengiring. Semasa panji-panji dalam barisan melintas lalu di hadapan, adalah menjadi adat resam yang menuntut supaya hadirin berdiri manakala yang berpakaian seragam hendaklah memberi tabik hormat.

"Tujuan bendera yang berwarna-warni dibawa ke medan perang adalah sebagai lambang kekuatan dan kuasa raja bagi sesuatu pasukan/ketumbukan dan juga sebagai tanda kedudukan ketua atau panglima perang yang menguasai sesuatu ketumbukan."

Pada 31 Mei 1965, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkenan menganugerahkan gelaran 'Diraja' kepada Askar Melayu Brunei menjadi Askar Melayu Diraja Brunei (AMDB). Upacara ini berlangsung di hadapan Markas Pasukan, Perkhemahan Berakas.



Seterusnya, pada 31 Mei 1966, AMDB telah dikurniakan Panji-Panji Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien setelah setahun dikurniakan gelaran 'Diraja' di dalam Istiadat Perbarisan Panji-Panji yang diadakan di Perkhemahan Berakas. Panji-panji tersebut berwarna hijau tua berlatar belakangkan lencana pasukan iaitu bulan dan bintang di bahagian bawah sebelah kanan sementara lambang peribadi Baginda di bahagian atas sebelah kiri...



Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ke-10 AMDB pada 31 Mei 1971, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Panji-Panji Diraja kepada AMDB di Istiadat Perbarisan Panji-Panji di Padang Besar, Bandar Seri Begawan. Panji-panji tersebut berwarna kuning berlatar belakangkan lambang peribadi Baginda di bahagian bawah sebelah kanan sementara lambang AMDB diletakkan di bahagian atas sebelah kiri. Dengan pengurniaan Panji-Panji Diraja, Panji-Panji Sultan ditukar menjadi Panji-Panji Pasukan.



Sementara itu, pada 27 Mei 1978, Panji-Panji Diraja dan Panji-Panji Pasukan bagi Batalion Pertama dan Batalion Kedua juga diperkenankan dengan tambahan angka roman 'I' dan 'II' melambangkan Unit Batalion Pertama dan Unit Batalion Kedua.



Pada 31 Mei 1988, lambang peribadi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien telah ditukar dengan lambang peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam.



Angkatan TDDB mencatatkan satu lagi sejarah dengan pengurniaan Panji-Panji Diraja dan Panji-Panji Pasukan yang baru pada 12 Julai 1994 yang mana pengurniaan Panji-Panji Diraja dan Panji-Panji Pasukan kepada Batalion Pertama, Kedua dan Ketiga TDDB telah berlangsung di Padang Kawad Pusat Latihan ABDB, Penanjong Garison. Pada majlis tersebut, Lettenan Kolonel A. Jumat bin Haji Zakaria, Pegawai Pemerintah Batalion Pertama telah mengetuai ikrar untuk menjadikan panji-panji tersebut sebagai teras lambang semangat keperwiraan yang gagah dan sentiasa berkordan untuk mempertahankan keamanan dan menegakkan kedaulatan Negara Brunei Darussalam selaras dengan konsep Melayu Islam Beraja.

Secara keseluruhannya, panji-panji amat penting dalam sesuatu organisasi ketenteraan kerana ia adalah sebagai lambang kekuatan dan kuasa raja bagi sesuatu pasukan/ketumbukan dan juga sebagai tanda kedudukan ketua atau panglima perang yang menguasai sesuatu ketumbukan. Selain itu, panji-panji mampu mengekalkan semangat, moral dan identiti sesuatu perkhidmatan dan pasukan kerana penganugerahan panji-panji ini adalah sebagai mengenang jasa dan perkhidmatan cemerlang dalam sesebuah pasukan kepada negara dan sebagai tanda pengiktirafan, perjuangan dan penghormatan kedaulatan serta keamanan negara sentiasa terjamin.

Panji-panji pada bendera adalah sebagai lambang kesepakatan serta perpaduan yang mempunyai kemuliaan, keagungan dan martabatnya yang tersendiri. Ia juga mendapat pengiktirafan serta penghormatan oleh setiap bangsa dan negara di dunia. Sejarah mengakui bahawa pentingnya panji-panji dalam mengekalkan semangat, moral dan identiti sesuatu perkhidmatan dan pasukan demi memastikan keamanan dan sejahteraan negara.



JUBLI INTAN TDDB

SAMBUTAN JUBLI INTAN



PERUTUSAN DARI PEMERINTAH TDDB

- Perkembangan yang mencorak TDDB hingga ke hari ini dikategorikan kepada tiga jenis era iaitu Era Perintis, yang mana semua ditubuhkan dari kosong, Era Pembangunan Kekuatan Tempur dan Era Pengukuhan Kekuatan Tempur.
- Pertahankan legasi rejimentasi tentera yang unik dan juga sebagai mekanisme perpaduan selaku pasukan tentera yang profesional.
- Pengongsian Strategi TDDB melalui empat falsafah operasi iaitu pencegahan, atur gerak, kesungguhan/ketekunan dan survivabiliti serta menyentuh mengenai 12 Falsafah Pemerintahannya.
- Penghargaan atas dedikasi dan pencapaian anggota TDDB, termasuk mencegah pandemik COVID-19 serta penyertaan misi antarabangsa.
- Memperkembangluaskan kapabiliti dalam pengawasan, keupayaan khusus dan doktrin.
- Kepentingan serviceability kelengkapan dan baikpulih kenderaan untuk meningkatkan keupayaan tempur TDDB.

TDDB telah menyambut Sambutan Jubli Intan pada 04 November 2021 secara dalam talian.

Sempena Sambutan Jubli Intan TDDB ini, tayangan klip video khas Sambutan Jubli Intan TDDB, penyerapan unit SI di bawah TDDB dan pelancaran buku-buku serta majalah TDDB seperti *Land Force Doctrine Development Handbook 2021*, Buku Projek Titian Amal 2007-2021 dan Majalah Semangat Waja juga dimainkan.

Ianya telah menunjukkan pencapaian TDDB semenjak penubuhannya 60 tahun yang lalu serta menunjukkan hala tuju TDDB di masa yang akan datang.



MAJLIS TAHLIL BAGI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN BERSERTA KERABAT DIRAJA YANG LAIN

TDDB telah mengadakan Majlis Tahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sempena Sambutan Jubli Intan TDDB pada 29 Oktober 2021.



Hadir bagi majlis tersebut ialah Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan, Pemerintah TDDB. Turut hadir ialah Timbalan Pemerintah TDDB, Pegawai-pegawai Kanan, Pegawai-pegawai dan anggota TDDB.

MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN JUBLI INTAN TDDB



Bersempena dengan Sambutan Jubli Intan TDDB, Majlis Doa Kesyukuran telah dilaksanakan secara maya mengikut garis panduan yang telah ditetapkan daripada Kementerian Kesihatan pada 03 November 2021.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ustaz Muhammad Rafi'uddin bin Haji Md Ali, Guru Agama Berakas Garison. Majlis kemudian disemarakkan dengan penyampaian Tazkirah Khas bertajuk 'Jihad dan Syahid di Jalan Allah SWT' yang telah disampaikan oleh Ustaz Muhammad Nur Amin bin Awang Haji Jali, Guru Agama daripada Jabatan Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK TITIAN AMAL DI MASJID KAMPONG TANAH JAMBU

Bersempena dengan Sambutan Jubli Intan TDDB, 1Bn TDDB telah mengadakan majlis penyerahan kepada Ketua Imam dan Pegawai Masjid serta Takmir Masjid Kampong Tanah Jambu bagi menandakan selesainya Projek Titian Amal Kerja Pembakaan Atap dan Siling Masjid Kampong Tanah Jambu.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan penyerahan plak disampaikan oleh Timbalan Pemerintah TDDB. Majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan wakaf dan diakhiri dengan doa penutup dan bergambar ramai.



JUBLI INTAN TDDB

ACARA JALINAN KASIH DAN MAJLIS UKHWAH PERWIRA

JALINAN KASIH ANAK- ANAK ISTIMEWA

Bersempena dengan Sambutan Jubli Intan, TDDB telah mengadakan Aktiviti Kebajikan kepada anak-anak istimewa yang dinamakan Majlis Jalinan Kasih Anak-Anak Istimewa pada 03 Disember 2021. Seramai 70 penerima daripada 59 keluarga anggota TDDB menerima sumbangan yang dikumpulkan daripada kutipan Tabung Kebajikan TDDB, KOWIRA dan sumbangan peribadi keluarga. Pemerintah TDDB telah menyampaikan sumbangan derma di kediaman penerima di Berakas Garison. Turut menyampaikan sumbangan di beberapa tempat berasingan ialah Timbalan Pemerintah TDDB, Ketua Staf TDDB, Pegawai-pegawai Kanan dan Pegawai-pegawai TDDB.



JALINAN KASIH ANAK- ANAK YATIM



Aktiviti Kebajikan kepada anak-anak yatim yang dinamakan Majlis Jalinan Kasih Anak-Anak Yatim telah dilaksanakan dengan jayanya pada 10 Disember 2021. Seramai 67 penerima daripada 36 keluarga anggota TDDB menerima sumbangan yang dikumpulkan daripada kutipan Tabung Kebajikan TDDB dan KOWIRA. Acara ini merupakan acara kebajikan sebagai lambang keprihatinan terhadap anak-anak yatim dan sebagai sebahagian daripada komitmen TDDB terhadap kebajikan anggota.

MAJLIS UKHWAH PERWIRA

Pada 21 Januari 2022, TDDB telah mengadakan Majlis Ukhwah Perwira dan penyerahan sumbangan kepada Soldadu Zulhasmi bin Awg Hashim, anggota 2Bn TDDB bertempat di kediaman beliau, STKRJ Kampong Lugu. Sumbangan yang dikumpulkan adalah hasil daripada kutipan Tabung Kebajikan TDDB. Majlis Ukhwah Perwira merupakan salah satu tanggungjawab berterusan TDDB kepada anggota yang sakit berpanjangan dalam perkhidmatan dan mengurangkan bebanan kepada anggota tersebut serta keluarga.



JUBLI INTAN TDDB

PERTANDINGAN MUSABAQAH TILAWAH AL-QURAN



Majlis Penyampaian hadiah bagi Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran sempena Sambutan Jubli Intan TDDB telah diadakan di Dewan Pahlawan, Berakas Garison pada 28 Januari 2022.



Seramai 10 Qari dan enam Qari'ah dari unit-unit TDDB telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut. Pertandingan bagi peringkat separuh akhir telah diadakan pada 17 Januari 2022 dan 18 Januari 2022, diikuti dengan peringkat akhir pada 24 Januari 2022.

Johan Qari dimenangi oleh Soldadu Muhammad Zainul Arifin bin Haji Haminuddin dari 2Bn TDDB. Naib Johan telah disandang oleh Soldadu Awangku Abdul Azim bin Pengiran Dulamit dari 1Bn TDDB dan tempat ketiga telah drain oleh Sarjan Mohammad Ali Hussin bin Zakaria dari Markas TDDB.

Dalam kategori anggota wanita, Koperal Dayangku Siti Noor Azimah binti Pengiran Asmadi dari Khidmat Bantuan Kombat, TDDB dinobatkan sebagai Johan Qariah. Naib Johan Qariah dimenangi oleh Kapten Nurulaini binti Haji Md Zain dari Markas TDDB dan tempat ketiga telah disandang oleh Soldadu Nurul Khairah binti Md Sahari dari Khidmat Perubatan dan Kesihatan, TDDB.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN



Pada 28 Mac 2022, Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Jubli Intan TDDB telah diadakan secara serentak di semua surau-surau di perkhemahan TDDB. Majlis tersebut merupakan majlis kemuncak bagi meraikan 60 peserta khatam yang terdiri daripada anggota TDDB.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis yang diadakan di Surau Al-Faizun, Berakas Garison ialah Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Abdul Razak bin Haji Abd Kadir, Pemerintah TDDB. Majlis tersebut adalah sebagai acara tahunan dalam meraikan hari ulang tahun TDDB disamping bertujuan untuk memberi galakan kepada Pegawai-pegawai dan anggota ABDB agar mengamalkan membaca Al-Quran serta menyuntik unsur-unsur kerohanian kepada semua anggota agar tugas yang diamanahkan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab serta mencari keredhaan dan keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala.

JUBLI INTAN TDDB MAJLIS KELUARGA BERKAT



Majlis Keluarga Berkat sempena Sambutan Jubli Intan TDDB telah diadakan di Dewan Pahlawan, Berakas Garrison pada 21 Januari 2022. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Datin Ummisyafinah binti Haji Zaini, isteri kepada Pemerintah TDDB selaku Ketua Cawangan BAKTI TDDB.

Semasa majlis tersebut, satu sesi forum bertajuk "Kesefahaman Membawa Keharmonian Rumahtangga" telah dibahaskan oleh dua panel jemputan iaitu Ustazah Pengiran Doktor Hajah Norwidayati binti Pengiran Haji Metusin, Penolong Profesor@ Timbalan Dekan Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Ustazah Pengiran Norhayati binti Pengiran Haji Kasharan, Penguasa Dakwah dan Tabligh, Ketua Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah dan dibantu oleh Leftenan Nur Farahin binti Nordin, seorang pegawai wanita daripada Bn Bntu TDDB selaku moderator forum.

Majlis tersebut juga dimeriahkan dengan persembahan tausyeh oleh kumpulan tausyeh daripada JAMA'AT ABDB yang diketuai oleh Ustazah Siti Nor Khadijah binti Haji Saili.

Pada tahun ini, majlis tersebut juga dilaksanakan secara maya bagi yang tidak dapat hadir secara fizikal mengikut garispandu COVID-19 bagi perkumpulan ramai yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. Acara Majlis Keluarga Berkat ini merupakan aktiviti tahunan sempena HUT TDDB bagi mempromosikan keharmonian dalam keluarga di kalangan warga TDDB.

MAJLIS KELUARGA BERKAT

- Acara Majlis Keluarga Berkat pertama kalinya diadakan pada 22 Januari 2021 sempena HUT TDDB yang ke 59.
- Sesi forum bagi majlis pada tahun 2020 bertajuk 'Menuju Ke arah Keluarga Sakinah Mawaddah Warrahmah' yang dibahaskan oleh dua panel jemputan.
- Ia akan menjadi aktiviti tahunan sempena HUT TDDB bagi mempromosikan keharmonian dalam keluarga di kalangan warga TDDB.

EDITORIAL CORETAN RINGKAS: PADA TARIKH INI

PENAUILIAHAN TIGA PEGAWAI KADET PERTAMA BRUNEI



Pada 8 Disember 1962, tiga pegawai kadet pertama Brunei yang terdiri daripada Awang Sulaiman bin Awang Damit, Awang Mohammad bin Haji Daud dan Awangku Ibnu bin Pengiran Apong telah berjaya menamatkan latihan ketenteraan mereka dan telah diraikan pada upacara Perbarisan Diraja dan seterusnya ditauliahkan sebagai leftenan muda bertempat di Federal Military College, Port Dickson, Malaysia. Tarikh tersebut merupakan tarikh yang sangat penting bagi tiga kadet tersebut sekaligus merupakan detik bersejarah bagi rejimen AMB.

Kini, Awangku Ibnu dikenali sebagai Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejai Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong dan jawatan terakhir beliau ialah sebagai timbalan menteri pertahanan bermula pada bulan September 1986 hingga bulan Mei 2005. Manakala Awang Mohammad kini dikenali sebagai Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejai Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud, jawatan terakhir beliau ialah sebagai pemerintah ABDB yang pertama bermula 1 Januari 1986 hingga 10 Ogos 1990, serta Awang Sulaiman bin Awang Damit dikenali sebagai Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin Datu Indera Setia Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Sulaiman bin Haji Awang Damit dan jawatan terakhir beliau ialah pemerintah ABDB yang kedua bermula 10 Ogos 1990 hingga 30 September 1994.

Selaku pelopor dari pengambilan pertama, mereka telah banyak menyaksikan dan menyumbang ke arah perkembangan AMB kepada sebuah angkatan tentera yang dihormati dan disegani.

PENGLIBATAN

TDDB SERTAI SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE 38

Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan ke-38, TDDB telah mengambil bahagian dalam perhimpunan dengan penglibatan kira-kira seramai 196 pegawai dan anggota daripada TDDB bertempat di Padang Haji

Acara dimulakan dengan lagu kebangsaan dan diikuti dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memeriksa Perbarisan Kehormatan yang terdiri daripada 472 anggota daripada TDDB, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan gabungan pancaragam ABDB dan PPDB. Seramai 158 anggota TDDB hadir bagi menyertai perbarisan tersebut termasuk Kawalan Panji-panji daripada 3Bn TDDB diketuai oleh Leftenan Kolonel Azhar bin Haji Matzan, Timbalan Komandan KBK TDDB selaku Ketua Perbarisan.

Manakala bagi acara perbarisan jalan-lalu, seramai 3,800 anggota menyertai acara tersebut yang terdiri daripada kumpulan Pasukan Keamanan Negara, Masyarakat Bestari, Kakitangan daripada Sektor Awam dan Swasta, Sektor Pendidikan dan organisasi lain. Selain itu, seramai 38 anggota TDDB yang diketuai oleh Mejai Mohammad Raihan bin Haji Borhanuddin turut menyertai perbarisan jalan lalu berkenaan.

PENUBUHAN BATALION KEDUA TENTERA DARAT DIRAJA BRUNEI



Pada 2 Januari 1975, AMDB terus berkembang dengan penubuhan Batalion Kedua bertempat di prasarana sementara di Kem Bolkiah. Penubuhan batalion ini diketuai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Ratna Indera Mejai Pengiran Dato Setia Ibnu bin Pengiran Dato Penghulu Pengiran Haji Apong.

Batalion Kedua AMDB pada asalnya diambil dari Kompeni B dan Kompeni E, Batalion Pertama AMDB di bawah pemerintahan Leftenan Kolonel Dato A.E. Hibbert, Pegawai Pemerintah Batalion Kedua AMDB yang pertama pada masa itu. Batalion ini secara rasminya telah berpindah ke Perkhemahan Tutong yang ada sekarang pada 10 Mei 1976. Pada tahun 1982, Yang Dimuliakan Pehin Datu Harimaupadang Mejai Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Awang Haji Husin bin Ahmad menjadi anak watan yang pertama selaku Pegawai Pemerintah batalion ini setelah dilantik menjadi Pegawai Pemerintah ke empat bagi Batalion Kedua AMDB.



DIPLOMASI PERTAHANAN



PENANDATANGANAN PINDAAN TERMA RUJUKAN BRUNEI-FILIPINA

Pada 25 Oktober 2021, Pemerintah TDDB, Brigadier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan telah menandatangani Pindaan Terma Rujukan Brunei-Filipina (BRUPHIL TOR) bersama Leftenan Jeneral Andres Centino, *Commanding General Philippine Army* bagi meningkatkan lagi kerjasama erat dan hubungan dua hala kedua angkatan tentera.

ASEAN CHIEFS OF ARMY MULTILATERAL MEETING KE-22

Pemerintah TDDB telah menghadiri Mesyuarat 22nd ASEAN Chief of Army Multilateral Meeting (22nd ACAMM) yang telah dipengerusikan oleh Republik Sosialis Myanmar secara maya pada 12 November 2021. Mesyuarat dibuka secara rasmi oleh Vice – Senior General Soe Win, *Deputy Commander-in-Chief of Defence Services, Commander-in-Chief (Army)*, Republik Sosialis Myanmar dan bertemakan "*The Role of ASEAN Armies in The Process of Rehabilitation After the COVID-19 Pandemic*".



PENLIBATAN TDDB DALAM PROGRAM DI BAWAH COOPERATION AFLOAT READINESS AND TRAINING (CARAT)



Melalui Cooperation Afloat Readiness and Training (CARAT) bagi edisi tahun 2022, Bn Bntu TDDB telah menyertai satu program yang memfokuskan kepada Operasi Sungai bersama Tentera Laut Amerika Syarikat pada 15 November 2021. Program tersebut diketuai oleh Mejai Masmun bin Haji Kassim, Timbalan Pegawai Pemerintah Bn Bntu TDDB dan SB1 Derrek Bennet, US Navy Special Boat Team-22. Program tersebut dilaksanakan bagi mengeratkan lagi hubungan antara TDDB dan US Navy serta mengkalkan landasan yang kredibel bagi membincangkan pengendalian dan pentadbiran Tatacara Pengendalian Operasi Sungai.

Manakala, pada 16 November 2021, pertukaran kepakaran atau *Subject Matter Expert Exchange (SMEE)* yang memfokuskan kepada isu perubatan, kesihatan dan pergigian telah dijalankan di antara Khidmat Perubatan dan Kesihatan TDDB, Khidmat Pergigian TDDB dan Tentera Laut Amerika Syarikat. Objektif SMEE tersebut adalah untuk menggalakkan perbincangan dan pertukaran pengetahuan kepakaran serta pengalaman melalui perkongsian *best practices* dari kedua-dua buah negara terutama dalam menangani pandemik wabak COVID-19. Di samping itu, ianya mengukuhkan lagi perhubungan erat yang telah lama terjalin di antara kedua-dua buah negara dalam perkhidmatan perubatan dan pergigian ketenteraan.

DIPLOMASI PERTAHANAN

TDBB SERTAI VIRTUAL TECHNICAL SEMINAR ON BIOSAFETY AND BIOSECURITY



TDBB telah menghadiri Mesyuarat Virtual Technical Seminar On Biosafety And Biosecurity yang telah dipengerusikan oleh Network of ASEAN Chemical, Biological and Radiological (CBR) Defence Experts' Secretariat dan Angkatan Tentera Filipina pada 27 Januari 2022.

Hadir bagi mewakili TDDB ialah Lettenan Kolonel Dr Isehardy bin Murni, Pegawai Perubatan Kanan, Khidmat Perubatan dan Kesihatan TDDB, Mejari Abd Rahim bin Haji Adris, Pegawai Memerintah, Unit Pertahanan Kimia Biologi Radiologi dan Letupan, Bn Bntu TDDB (Unit Prthn KBRL Bn Bntu TDDB) dan Lettenan Ak Muhsin Masduqi bin Pg Haji Damit, Ketua Terup Geledah, Unit Pthn KBRL Bn Bntu TDDB. Turut hadir menyertai dalam mesyuarat tersebut secara maya ialah perwakilan daripada Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat tersebut membincangkan pengalaman negara-negara ASEAN dengan kejadian Biosafety and Biosecurity serta meneliti deraf pertama garis pandu yang akan diselaraskan oleh negara-negara ASEAN nanti.

TDBB SERTAI BENGKEL COVID-19 VACCINES AND THERAPEUTICS DEVELOPMENT



TDBB telah menghadiri bengkel COVID-19 Vaccines and Therapeutics Development yang telah dipengerusikan bersama oleh Sekretariat Network of ASEAN Chemical, Biological and Radiological (CBR) Defence Expert dan National Authority for the Prohibition of Chemical, Nuclear, Biological and Radiological Weapons (NACW) of Cambodia secara maya pada 22 Februari 2022. Bengkel itu dihadiri oleh wakil-wakil teknikal dan kepakaran Pertahanan Kimia, Biologi dan Radiologi daripada 10 Negara-negara ASEAN termasuk Negara Brunei Darussalam.

Hadir bagi mewakili TDDB ialah Mejari (Dr) Siti Nur'raheemah binti PDM Haji Musa, Pegawai Perubatan Khidmat Perubatan dan Kesihatan TDDB dan Kapten Nur Shazeerah binti Radinkanoro, Penolong Pegawai Memerintah Unit KBRL Bn Bntu TDDB.

Bengkel tersebut membuka sesi perkongsian pengalaman daripada pakar-pakar dalam jurusan yang berkaitan, pembentangan oleh wakil-wakil negara ASEAN dan perbincangan serta perkongsian informasi yang sesuai untuk dimuatnaik dalam portal web kumpulan tersebut.

KEMASYARAKATAN

BANTUAN COVID-19 DAN OPERASI HADR



BANTUAN PENGANGKUTAN BAGI PERKHIDMATAN VAKSINASI BERGERAK

Task Group Bravo 4, 3Bn TDDB telah diaturgerak untuk memberikan bantuan pengangkutan kepada Kementerian Kesihatan bagi Perkhidmatan Vaksinasi Bergerak bertempat di Klinik Kesihatan Labi. Perkhidmatan Vaksinasi Bergerak ini diadakan selama dua hari bermula pada 12 Oktober 2021. Bantuan pengangkutan kenderaan yang disediakan oleh 3Bn TDDB adalah tiga buah bas mini yang digunakan bagi pengangkutan penduduk dari Bukit Sawat dan dari Dewan Serbaguna Merangking menuju ke Klinik Kesihatan Labi.

BANTUAN PEMINDAHAN CATUAN MAKANAN KE PUSAT PENGAGIHAN MAKANAN

Pada 20 November 2021, 3Bn TDDB telah memberikan bantuan pengangkutan kepada Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (JAPEM) bagi memindahkan catuan makanan pusat Pengagihan Makanan, Kompleks Sukan Mumong yang akan ditutup ke Pusat Pengagihan Makanan, Dewan Bandaran, Kuala Belait. Bantuan tersebut mencerminkan komitmen TDDB dalam menyokong Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi lain bagi menangani situasi COVID-19 di negara ini.



TDBD HULURKAN BANTUAN OPERASI KEMANUSIAAN DAN BENCANA ALAM DI DAERAH BELAIT



Sejurus kejadian hujan lebat dan angin kencang yang menyebabkan banjir dan kerosakan prasarana di beberapa kawasan di Kuala Belait, TDDB telah menghulurkan bantuan operasi kemanusiaan dan bencana alam. Pada 08 November 2021, operasi melibatkan Pasukan Civil-Military Cooperation (CIMIC) dari 3Bn TDDB telah diatur gerak ke Masjid Rancangan Perumahan Kampung Pandan bagi menghulurkan bantuan tenaga manusia untuk membersihkan serpihan daripada bangunan yang mengalami kerosakan. Bantuan juga diberikan di kawasan yang teruk terjejas oleh banjir iaitu di kawasan Bukit Puan, Bukit Sawat dan Kampong Kagu di Daerah Belait, termasuk menyediakan bantuan pengangkutan kepada penduduk yang terjejas pada 12 November 2021. Operasi tersebut mencerminkan komitmen TDDB yang berterusan dengan kerjasama Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) diperingkat daerah dan Kebangsaan dalam menangani bencana alam serta mengeratkan lagi hubungan kerjasama di antara pihak TDDB dengan agensi-agensi awam dan masyarakat.

EDITORIAL KEMASYARAKATAN

HUBUNGAN TENTERA DAN MASYARAKAT DALAM MENYAHUT PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB TDDB

Leftenan Mohammad Khairulanwar bin Awang Haji Kismis



Salah satu daripada peranan TDDB adalah untuk menjalankan projek kerja amal di kalangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam. Dalam menyahut peranan selaku institusi pertahanan negara yang diharapkan, TDDB banyak memberikan sumbangan terutamanya dari segi bantuan tenaga kerja dan juga melibatkan penggunaan aset-aset TDDB. Kerja-kerja amal seperti kempen kebersihan di kawasan mukim-mukim, kampong-kampong, masjid-masjid atau balai-balai ibadat dan juga tanah perkuburan orang-orang Islam banyak dilaksanakan dalam memperkuuhkan jalinan kerjasama bersama masyarakat. Sebagai contoh baru-baru ini pada 11 Mac 2022, kempen kemasyarakatan telah dilaksanakan di Masjid Kampong Limau Manis, Mukim Pengkalan Batu bersempena dengan Sambutan Jubli Intan TDDB. Kempen ini bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan di antara penduduk kampung dan warga TDDB dan secara tidak langsung menyahut peranan dan tanggungjawab TDDB bagi memupuk sikap beramal serta tolong-menolong sesama masyarakat.

Kerja-kerja amal ini juga tidak tertumpu kepada kempen kebersihan malahan ia juga meliputi kepada bantuan bencana alam seperti keadaan banjir, tanah runtuh dan sebagainya. Seterusnya ialah peranan anggota-anggota TDDB dalam melibatkan diri dengan masyarakat secara bersemuka, terutama sekali dengan penghulu mukim atau pun ketua-ketua kampong. Ini bertujuan untuk mengetahui setiap permasalahan ataupun kesukaran yang dihadapi oleh penduduk kampong yang memerlukan bantuan daripada anggota TDDB. Masyarakat juga berperanan memberikan kerjasama dalam menyalurkan maklumat-maklumat penting seperti mengenai aktiviti-aktiviti yang melanggar undang-undang kerajaan Negara Brunei Darussalam umpamanya aktiviti membawa barang-barang tegahan, rentas sempadan secara haram dan sebagainya. Dengan adanya kerjasama, TDDB akan dapat menanai dan menyahut tanggungjawab bagi mengekalkan keamanan dan kestabilan negara ini.

Secara keseluruhannya, dalam merealisasikan peranan serta tanggungjawab TDDB, hubungan kerjasama dan perpaduan di kalangan tentera dan masyarakat awam adalah sangat penting dalam membantu TDDB mencapai visi dan misinya untuk melindungi dan mempertahankan kedaulatan Negara Brunei Darussalam.

KEAGAMAAN

TDDB SERTAI MAJLIS MALAM MUNAJAT ANJURAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA



Pada 22 Januari 2022, Majlis Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama Jabatanarrah Agama ABDB Brunei (JAMA'AT ABDB) telah diadakan secara maya di seluruh negara. TDDB juga ikut serta memeriahkan lagi majlis tersebut yang turut diadakan secara serentak di perkhemahan-perkhemahan TDDB secara maya yang dihadiri oleh Pegawai-pegawai dan anggota-anggota di setiap perkhemahan tersebut. Majlis tersebut diadakan bagi memohon perlindungan daripada penularan wabak COVID-19 di negara ini dan mengukuhkan sifat kerohanian serta berharap akan keampunan dan rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan memuliakan tanda-tanda kebesaran-Nya.

MAJLIS MERAIKAN PENGISLAMAN ANGGOTA TDDB



Pada 11 Februari 2022, seramai empat anggota TDDB diraikan dalam Majlis Pengislaman anjuran JAMA'AT ABDB di Surau Al-Barakah, Pangkalan Tentera Udara Rimba. Anggota yang baru memeluk Agama Islam terdiri daripada seorang pegawai, Kapten Nurul Khartini binti Akui dari Kejuruteraan Darat, KBK TDDB dan tiga anggota TDDB iaitu Koperal Coresinata bin Semian dari Unit Skuadron Jurutera Tempur, Bn Bntu TDDB, Soldadu Rahazrinshah bin Abdullah Radio daripada Kompeni Memerintah, 3Bn TDDB dan Soldadu Muhammad Amierul Ezairyn bin Mohd Azmi dari Unit Skuadron Kereta Perisai Peninjau, Bn Bntu TDDB.

TDDB SERTAI MAJLIS KHATAM AL-QURAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE 38



Majlis Khatam Al-Quran sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke 38 telah diadakan pada 25 Mac 2022 di semua surau-surau di perkhemahan TDDB. Hadir bagi menyertai majlis yang diadakan di Surau Al-Fa'izun, Berakas Garrison ialah Kolonel Azman bin Haji Bangkol, Timbalan Pemerintah TDDB. Majlis tersebut bertujuan untuk meraikan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam sambil memberi galakan kepada Pegawai-pegawai dan anggota TDDB agar mengamalkan bacon Al-Quran serta menyuntik sifat-sifat kerohanian dan menanamkan taqwa kepada semua pegawai dan anggota agar tugas yang diamanahkan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab serta mencari keredhaan dan keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala.

KEAGAMAAN

KATA HIKMAH



**PEGAWAI WARAN KELAS 1 ROSLEEN
BIN HAJI TUJOH
SARJAN MEJAR TENTERA DARAT**

Kepimpinan sebagai seorang Sarjan Mejar haruslah sentiasa berfikiran terbuka dan bersikap dedikasi di dalam apa jua keadaan dengan bertujuan memberikan ruang integrasi di antara semua peringkat dan secara langsung mengukuhkan hubungan yang erat dengan menghasilkan tahap kerja yang berkualiti. (Penuntut Terbaik Keseluruhan, Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Pegawai Waran - 2012)

**SARJAN JAMALLUDIN BIN HAJI BAGOL
UNIT PERTAHANAN KIMIA, BIOLOGI, RADIOLOGI
DAN LETUPAN BATALION BANTU TDDB**

Kepimpinan yang berkesan bermula daripada individu yang diberikan amanah dan tanggungjawab. Salah satu kunci kejayaan pasukan adalah melalui pemimpin yang berprinsip dan mempunyai hala tuju yang jelas yang perlu disampaikan kepada anggota bawahan untuk mencapai sasaran dan matlamat. Di samping itu juga seorang pemimpin hendaklah bermotivasi tinggi, mempunyai sikap daya saing, berpemikiran positif serta berdedikasi melaksanakan apa jua tugas yang diberikan di dalam setiap keadaan. (Penuntut Terbaik Keseluruhan, Kursus Penyelia dan Pengawas Padang Tembak TDDB sesi 2021)



**KOPERAL PG HAJI MUHD ALI AL-AKBAR
BIN PG HAJI TAJUDIN
PLATUN 9 KOMPENI C BATALION KETIGA TDDB**



Sebagai seorang tentera kita hendaklah menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan itu dengan sempurna, seorang tentera mestilah mempunyai disiplin yang kuat, berkerjasama di antara satu sama lain dan sentiasa bersiap sedia menerima arahan serta merta. Sebagai seorang pemimpin kita haruslah menjadi contoh kepada anggota bawahan dan menunjukkan profesionalisme dari segi disiplin, keterampilan, budaya kerja dan juga sifat kerohanian. (Teori Terbaik, Kursus Tempur Ketua Seksyen - 2021)



SEMANGAT WAJA

